

PARENTS' PERCEPTION OF THE ROLE OF THE MOSQUE IN SHAPING CHILDREN'S SOCIAL ENGAGEMENT AND HOLISTIC DEVELOPMENT

Novaadila Erizal & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani¹¹Corresponding author: zuldakwah@ukm.edu.my

ABSTRACT: Mosques have traditionally functioned as central institutions in Islamic community development, encompassing spiritual, social, and educational dimensions. However, in contemporary contexts, the role of mosques in shaping children's character and social engagement has received limited empirical attention, particularly from parents' perspectives. Therefore, this study aims to examine parents' perceptions of the role of mosques in fostering children's character development and social participation, as well as to identify the gap between ideal expectations and actual implementation at the community level. This study employed a quantitative cross-sectional survey design. Data were collected through an online questionnaire involving 162 Muslim parents in Negeri Sembilan who had experience involving their children in mosque activities. Data were analysed using descriptive statistics and paired-sample t-tests to compare parents' expectations and actual experiences. The findings indicate that parents hold very high expectations of mosques as institutions for social development and character formation among children. However, their actual experiences reflect a moderate and inconsistent level of implementation across mosques. The paired-sample t-test confirmed a statistically significant gap between expectations and reality, highlighting challenges related to management capacity, facilities, and child engagement approaches within mosque settings. This study concludes that while mosques possess substantial potential to support children's character development, this potential has not yet been fully realised. The findings underscore the need to strengthen mosque functions through more structured, family-friendly, and responsive approaches to the needs of younger generations, ensuring that mosques remain relevant as institutions of human development within contemporary Muslim communities.

ARTICLE HISTORY

Received:
Nov 4, 2025**Accepted:**
Dec 11, 2025**Published:**
Dec 30, 2025

KEYWORDS

Persepsi asnaf;
Bank makanan;
Fakir miskin;
Keterjaminan
makanan; Zakat

PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PERANAN MASJID DALAM MEMBENTUK PENGLIBATAN SOSIAL DAN PERKEMBANGAN HOLISTIK KANAK-KANAK

ABSTRAK: Masjid secara tradisinya berperanan sebagai institusi pembangunan masyarakat Islam yang merangkumi dimensi spiritual, sosial dan pendidikan. Namun, dalam konteks kontemporari, peranan masjid terhadap pembentukan sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak masih kurang diberi perhatian secara empirik, khususnya dari perspektif ibu bapa. Justeru, kajian ini bertujuan menilai persepsi ibu bapa terhadap peranan masjid dalam membentuk sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak, serta meneliti jurang antara harapan ideal dan pengalaman sebenar pelaksanaannya di peringkat komuniti. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan keratan rentas. Data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian melibatkan 162 orang ibu bapa Muslim di Negeri Sembilan yang mempunyai pengalaman melibatkan anak-anak dalam aktiviti masjid. Analisis data dijalankan menggunakan statistik deskriptif dan ujian-t sampel berpasangan bagi membandingkan persepsi harapan dan pengalaman responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa meletakkan harapan yang sangat tinggi terhadap peranan masjid sebagai institusi pembangunan sosial dan pembentukan sahsiah kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pengalaman sebenar mereka menunjukkan tahap pelaksanaan yang sederhana serta tidak seragam antara masjid. Ujian-t mengesahkan kewujudan jurang yang signifikan antara harapan dan realiti, mencerminkan cabaran dari sudut pengurusan, fasiliti dan pendekatan penglibatan kanak-kanak di masjid. Kajian ini menyimpulkan bahawa masjid mempunyai potensi besar dalam menyokong perkembangan sahsiah kanak-kanak, namun potensi tersebut belum dimanfaatkan secara menyeluruh. Implikasi kajian menekankan keperluan pemerksaan masjid melalui pendekatan yang lebih terancang, mesra keluarga dan responsif terhadap keperluan generasi muda bagi memastikan masjid kekal relevan sebagai institusi pembangunan insan dalam masyarakat Muslim kontemporari

KATA KUNCI:

Persepsi asnaf;
Bank makanan;
Fakir miskin;
Keterjaminan
makanan; Zakat

To cite:

Mohamed, S. N.,
Don, A. G. & Puteh,
A. (2025). Asnaf's
Perception of the
Implementation of
the Food Bank
Program by
Lembaga Zakat
Negeri
Kedah. *Jurnal Al-
Hikmah*, 17(2), 78-
90. Doi:
10.17576/alhikma
h.2025.172/586

PENDAHULUAN

Masjid merupakan institusi teras dalam pembinaan tamadun Islam yang memainkan peranan pelbagai dimensi sejak zaman Rasulullah SAW. Selain berfungsi sebagai tempat ibadah, masjid secara tradisinya berperanan sebagai pusat pendidikan, sosial dan kebajikan masyarakat, sekali gus menjadi nadi pembangunan komuniti Islam (Rahman 2000). Dalam kerangka pembangunan insan, masjid tidak sekadar berfungsi sebagai ruang ritual, tetapi turut berperanan sebagai medan pembentukan nilai, penyemaian adab dan pengukuhan hubungan sosial merentas generasi (Tamuri 2021; Shahbuddin & Gunardi 2023; Asif et al. 2024; Remly & Sabaruddin 2025). Dalam konteks pembangunan kanak-kanak, masjid berpotensi besar untuk berfungsi sebagai ruang awal pembentukan sahsiah dan penglibatan sosial melalui pengalaman keagamaan serta interaksi komuniti yang berulang sejak usia muda.

Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa peranan masjid dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari masih berhadapan dengan pelbagai cabaran pelaksanaan. Sebagai contoh, analisis terhadap fungsi masjid di Johor mendapati bahawa meskipun masjid mempunyai potensi sosial, ia menghadapi cabaran dalam struktur program dan sumber untuk melaksanakan fungsi sosial dan komuniti secara konsisten (Sohar 2024). Kajian lain pula menekankan keperluan inovasi sosial dan pemerintahan telus bagi menjadikan masjid relevan dalam konteks urban moden (Revitalizing the Social Role of Urban Mosques 2025). Tambahan pula, kajian pemberdayaan ekonomi menunjukkan bahawa meskipun masjid boleh menjadi pusat pemberdayaan ummah, cabaran bukan agama seperti kemahiran dan struktur pelaksanaan masih perlu ditangani (Safi'i 2025)

Namun, kajian yang menilai secara khusus peranan masjid dalam menyokong penglibatan sosial serta perkembangan holistik kanak-kanak masih lagi terhad. Lebih khusus lagi, perspektif ibu bapa sebagai pihak yang paling hampir dan berpengaruh dalam menentukan tahap keterlibatan anak-anak di masjid jarang diberi tumpuan secara sistematik. Kekurangan data berasaskan persepsi ibu bapa ini menjadikan masjid menjalankan aktiviti dan program yang tidak benar-benar selari dengan keperluan keluarga Muslim kontemporari. Sehubungan itu, kajian ini meneliti persepsi ibu bapa terhadap peranan masjid dalam membentuk penglibatan sosial serta menyokong perkembangan kanak-kanak, khususnya dari aspek sahsiah, nilai dan interaksi sosial. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan semula peranan masjid sebagai pusat pembangunan insan yang inklusif, relevan dan responsif terhadap keperluan masyarakat Muslim di Malaysia.

PERANAN MASJID DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH KANAK-KANAK

Masjid secara konseptual merupakan institusi teras dalam pembinaan masyarakat Islam yang berfungsi melangkaui peranan ritual ibadah semata-mata. Dalam Islam, masjid berperanan sebagai pusat pembangunan insan yang mengintegrasikan dimensi spiritual, sosial, pendidikan dan pembentukan nilai dalam kehidupan umat Islam. Sejarah Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah SAW memperlihatkan fungsi masjid sebagai ruang pendidikan, penyelesaian masalah sosial, pengukuhan ukhuwah serta pembinaan sahsiah individu dan komuniti secara menyeluruh. Dalam konteks kontemporari, sarjana menegaskan bahawa masjid wajar difahami sebagai institusi pembangunan komuniti (*community development institution*) yang berupaya membentuk modal insan berakhlak, berpengetahuan dan bertanggungjawab sosial (Tamuri 2021; Asif et al. 2024). Namun, perubahan struktur sosial, kemajuan teknologi serta dominasi institusi pendidikan formal telah menyebabkan peranan masjid semakin terhad kepada aktiviti ibadah rutin, sekali gus menimbulkan jurang antara potensi normatif masjid dan realiti pelaksanaannya di peringkat komuniti (Shahbuddin & Gunardi 2023). Dalam situasi ini, perbincangan mengenai peranan masjid perlu digerakkan semula dalam kerangka yang lebih holistik dan responsif terhadap keperluan semasa masyarakat, khususnya keluarga dan generasi muda, agar masjid kekal relevan sebagai pusat pembinaan nilai, sahsiah dan kesejahteraan sosial umat Islam.

Dalam konteks pembentukan sahsiah kanak-kanak, masjid mempunyai potensi besar sebagai persekitaran sosial awal yang menyumbang kepada perkembangan nilai, disiplin dan identiti keagamaan. Kanak-kanak tidak membentuk sahsiah secara terasing, sebaliknya melalui pendedahan

berterusan kepada norma sosial, contoh teladan dan interaksi bermakna dalam persekitaran komuniti. Masjid, sebagai ruang awam Islam yang sarat dengan nilai moral dan spiritual, berupaya menyediakan pengalaman pembelajaran tidak formal yang menyokong pembentukan akhlak, rasa kebersamaan dan penghormatan terhadap peraturan sosial. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti masjid dapat menyumbang kepada perkembangan sahsiah positif seperti tanggungjawab sosial, kawalan tingkah laku dan keterikatan emosi terhadap agama (Mansor et al. 2011; Rahman et al. 2018). Namun, keberkesanan peranan ini sangat bergantung kepada sejauh mana masjid menyediakan persekitaran yang mesra kanak-kanak, selamat dan inklusif. Masjid yang gagal meraikan kehadiran kanak-kanak berisiko dilihat sebagai ruang eksklusif untuk golongan dewasa, sekali gus menjarakkan generasi muda daripada institusi agama sejak usia awal. Justeru, pembentukan sahsiah kanak-kanak melalui masjid tidak hanya berkait dengan kehadiran fizikal, tetapi menuntut pendekatan terancang yang menggabungkan elemen pendidikan, interaksi sosial dan pengalaman spiritual secara seimbang, selaras dengan tuntutan pembangunan insan dalam Islam.

Bagi memahami peranan masjid dalam membentuk sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak secara lebih sistematik, kajian ini dipandu oleh Teori Ekologi Pembangunan Manusia yang dikemukakan oleh Bronfenbrenner (1979) dan Bronfenbrenner & Morris (2006). Teori ini menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak tidak berlaku secara terasing, sebaliknya dipengaruhi oleh interaksi berlapis antara individu dengan persekitaran sosialnya, merangkumi mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem. Dalam kerangka ini, masjid boleh difahami sebagai sebahagian daripada mesosistem apabila wujud interaksi langsung antara keluarga dan institusi masjid, serta sebagai eksosistem apabila struktur pengurusan, budaya dan program masjid mempengaruhi pengalaman kanak-kanak secara tidak langsung. Interaksi kanak-kanak dengan masjid melalui penyertaan dalam aktiviti ibadah, pendidikan tidak formal dan hubungan sosial komuniti berpotensi membentuk nilai, sikap dan tingkah laku secara berterusan. Sejalan dengan pandangan Crawford (2020), institusi komuniti yang stabil dan bermakna berperanan penting dalam menyokong kesejahteraan psikososial kanak-kanak, sekali gus meletakkan masjid sebagai salah satu persekitaran pembangunan yang signifikan dalam ekosistem kehidupan mereka.

Walaupun kepentingan masjid sebagai institusi pembangunan komuniti telah dibincangkan secara meluas dalam literatur, kebanyakan kajian terdahulu masih cenderung menumpukan kepada fungsi umum masjid seperti pengimaran, pengurusan dan kepimpinan institusi, dengan penekanan terhadap jemaah dewasa (Hamzah et al. 2019; Jusoh et al., 2022; Remly & Sabaruddin 2024). Dalam konteks Malaysia, kajian-kajian berkaitan masjid lebih banyak menilai keberkesanan institusi ini dari sudut pentadbiran, kepimpinan dan penglibatan jemaah secara keseluruhan, dengan penekanan yang terhad terhadap pengalaman generasi muda sebagai kelompok sasaran strategik jangka panjang (Tamuri 2021). Tinjauan literatur sistematik oleh Shahbuddin dan Gunardi (2023) turut mengesahkan bahawa dimensi kanak-kanak dan keluarga masih kurang diberi perhatian dalam penyelidikan empirikal berkaitan masjid. Selain itu, kajian yang mengaitkan masjid dengan pembangunan sahsiah kanak-kanak lazimnya bersifat normatif dan konseptual, serta kurang disokong oleh data empirikal yang menilai realiti pelaksanaan di peringkat komuniti (Asif et al. 2024). Lebih ketara, perspektif ibu bapa sebagai aktor utama yang menentukan tahap keterlibatan anak-anak di masjid masih jarang diterokai secara sistematik, walaupun mereka berperanan sebagai pengantara penting antara institusi masjid dan pengalaman sosial kanak-kanak.

Bagi memahami peranan masjid dalam membentuk sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak secara lebih sistematik, kajian ini dipandu oleh Teori Ekologi Pembangunan Manusia yang dikemukakan oleh Bronfenbrenner (1979) dan Bronfenbrenner & Morris (2006). Teori ini menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi berlapis antara individu dengan persekitaran sosialnya, termasuk mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem. Dalam kerangka ini, masjid boleh difahami sebagai sebahagian daripada eksosistem dan mesosistem yang berfungsi sebagai ruang sosial sokongan di luar keluarga dan sekolah. Interaksi kanak-kanak dengan masjid melalui penyertaan dalam aktiviti ibadah, pendidikan tidak formal, serta hubungan dengan komuniti berpotensi membentuk nilai, sikap dan tingkah laku secara berterusan. Crawford

(2020) menegaskan bahawa institusi komuniti yang stabil dan bermakna memainkan peranan penting dalam membina kesejahteraan psikososial kanak-kanak. Dalam konteks Islam, fungsi masjid sebagai institusi pendidikan, dakwah dan kebajikan menjadikannya medan strategik untuk menyokong perkembangan sahsiah kanak-kanak secara holistik. Namun demikian, kesan positif ini tidak berlaku secara automatik, sebaliknya bergantung kepada kualiti interaksi, keterbukaan institusi dan kesesuaian program yang ditawarkan. Oleh itu, penggunaan kerangka teori ini membolehkan kajian menilai sejauh mana masjid berfungsi sebagai persekitaran pembangunan yang efektif dari perspektif ibu bapa, serta mengenal pasti jurang antara potensi normatif masjid dan realiti pelaksanaannya di peringkat komuniti.

Walaupun kepentingan masjid sebagai institusi pembangunan komuniti telah dibincangkan secara meluas dalam literatur, kebanyakan kajian terdahulu masih cenderung menumpukan kepada fungsi umum masjid seperti pengimarahannya, pengurusan dan peranan dakwah kepada masyarakat dewasa. Dalam konteks Malaysia, kajian-kajian berkaitan masjid lebih banyak menilai keberkesanan institusi ini dari sudut pentadbiran, kepimpinan dan penglibatan jemaah secara keseluruhan, dengan penekanan yang terhad terhadap pengalaman generasi muda sebagai kelompok sasaran strategik jangka panjang (Tamuri 2021). Tinjauan literatur sistematik oleh Shahbuddin dan Gunardi (2023) turut mengesahkan bahawa dimensi kanak-kanak dan keluarga masih kurang diberi perhatian dalam penyelidikan empirikal berkaitan masjid. Selain itu, kajian yang mengaitkan masjid dengan pembangunan sahsiah kanak-kanak lazimnya bersifat normatif dan konseptual, serta kurang disokong oleh data empirikal yang menilai realiti pelaksanaan di peringkat komuniti (Asif et al. 2024). Lebih ketara, perspektif ibu bapa sebagai aktor utama yang menentukan tahap keterlibatan anak-anak di masjid masih jarang diterokai secara sistematik, walaupun mereka berperanan sebagai pengantara penting antara institusi masjid dan pengalaman sosial kanak-kanak.

Sejajar dengan kerangka Teori Ekologi Pembangunan Manusia, kajian ini menilai peranan masjid sebagai sebahagian daripada persekitaran sosial yang mempengaruhi perkembangan sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak secara tidak langsung tetapi berterusan. Dalam konteks ini, persepsi ibu bapa dilihat sebagai refleksi interaksi antara mikrosistem keluarga dengan institusi masjid sebagai persekitaran sosial sokongan, khususnya dalam membentuk pengalaman sosial dan keagamaan anak-anak. Berasaskan kerangka teori tersebut, instrumen kajian dibangunkan untuk menilai tiga dimensi utama, iaitu persepsi umum ibu bapa terhadap peranan normatif masjid, pengalaman sebenar penglibatan kanak-kanak di masjid, serta cabaran yang mempengaruhi keterlibatan kanak-kanak dalam ekosistem masjid. Perbandingan antara jangkaan normatif dan pengalaman empirikal ini membolehkan kajian mengenal pasti jurang antara potensi masjid sebagai institusi pembangunan insan dengan realiti pelaksanaannya di peringkat komuniti. Pendekatan ini memastikan reka bentuk kajian dan pembinaan instrumen adalah berasaskan teori yang jelas, konsisten dengan objektif kajian, serta relevan untuk menilai peranan masjid dalam menyokong pembentukan sahsiah dan penglibatan sosial kanak-kanak dari perspektif keluarga Muslim kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*). Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai untuk menilai persepsi responden pada satu titik masa serta membolehkan perbandingan antara konstruk yang dikaji secara statistik tanpa sebarang manipulasi pemboleh ubah (Creswell & Creswell 2017). Selain item berstruktur, beberapa soalan terbuka turut disertakan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan responden secara deskriptif, sekali gus melengkapkan dapatan kuantitatif dengan konteks empirikal yang lebih bermakna.

Populasi kajian terdiri daripada ibu bapa Muslim yang bermastautin di Negeri Sembilan dan mempunyai anak berumur di bawah 18 tahun. Takrifan kanak-kanak dalam kajian ini adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (United Nations 1989) serta Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Memandangkan populasi sasaran adalah besar dan tersebar, kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian jenis bertujuan (*purposive sampling*). Pendekatan ini dipilih bagi memastikan hanya responden yang memenuhi kriteria kajian, khususnya

ibu bapa yang mempunyai pengalaman melibatkan anak-anak secara langsung dalam program atau aktiviti masjid, terlibat dalam kajian ini. Kaedah ini sesuai untuk kajian persepsi yang memerlukan responden mempunyai pengalaman khusus berkaitan konstruk yang diukur.

Sebanyak 202 set soal selidik telah dikumpulkan melalui edaran dalam talian. Selepas proses saringan awal, hanya 162 responden dipilih untuk analisis kerana mereka memenuhi kriteria utama kajian, iaitu pernah melibatkan anak-anak dalam aktiviti atau program masjid. Saiz sampel ini dianggap mencukupi bagi analisis statistik deskriptif dan ujian perbandingan min, selaras dengan cadangan minimum penyelidikan kuantitatif sosial bagi analisis inferensi asas (Creswell & Creswell 2017), serta mengambil kira kekangan praktikal seperti masa, kos dan kebolehcapaian responden. Instrumen kajian ialah borang soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur terdahulu. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama, iaitu: (i) maklumat demografi responden, (ii) persepsi ibu bapa terhadap peranan ideal masjid dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak, (iii) persepsi terhadap pengalaman sebenar penglibatan anak-anak di masjid, dan (iv) cabaran serta cadangan penambahbaikan. Item persepsi diukur menggunakan skala Likert lima mata, daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Beberapa soalan terbuka turut disertakan bagi membolehkan responden mengemukakan pandangan dan pengalaman secara reflektif.

Bagi memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka, instrumen kajian dibangunkan berasaskan literatur yang relevan dan disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan Islam dan kajian komuniti. Proses semakan ini bertujuan memastikan item soal selidik selaras dengan konstruk kajian, jelas dari segi kefahaman, serta sesuai dengan konteks masyarakat Muslim tempatan. Pengumpulan data dijalankan sepenuhnya secara dalam talian bagi memudahkan capaian responden dan meningkatkan kadar respons. Penyertaan responden adalah secara sukarela, tanpa pendedahan identiti peribadi, dan hanya satu respons dibenarkan bagi setiap responden.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian statistik. Analisis statistik deskriptif melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menggambarkan profil demografi responden serta pola persepsi ibu bapa terhadap peranan masjid. Bagi analisis inferensi, ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk menilai perbezaan antara persepsi harapan ibu bapa terhadap peranan ideal masjid dan pengalaman sebenar penglibatan anak-anak di masjid. Ujian ini sesuai digunakan kerana kedua-dua konstruk diukur daripada responden yang sama menggunakan item yang selari, sekali gus membolehkan perbandingan langsung dibuat. Tahap signifikan ditetapkan pada $p < 0.05$, manakala nilai *Cohen's d* digunakan untuk menilai saiz kesan perbezaan yang diperolehi.

Kajian ini melibatkan risiko minimum dan dilaksanakan selaras dengan prinsip etika penyelidikan sosial. Persetujuan termaklum diperolehi daripada semua responden, penyertaan adalah secara sukarela, dan kerahsiaan maklumat dijamin sepenuhnya. Tiada data sensitif atau maklumat pengenalan diri dikumpulkan, dan semua data digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan penyelidikan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Bahagian ini membentangkan profil demografi responden kajian yang terdiri daripada ibu bapa Muslim yang pernah melibatkan anak-anak mereka dalam aktiviti masjid. Sebanyak 162 responden yang memenuhi kriteria kajian telah dianalisis, merangkumi kepelbagaian daripada segi lokasi tempat tinggal, umur, bilangan anak, tahap pendidikan dan pendapatan isi rumah.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Bil.	Kategori	Perkara	Kekerapan (n=162)	Peratus %
1.	Masjid yang saya maksudkan terletak di kawasan..	Bandar	90	55.6
		Luar Bandar	72	44.4
2.	Umur Ibu bapa	20-30 tahun	10	6.2
		31-40 tahun	63	38.9

		41-50 tahun	33	20.4
		51 tahun ke atas	56	34.6
		1	11	6.79
		2	27	16.67
3.	Bilangan Anak	3	51	31.48
		4	33	20.37
		5	25	15.43
		6 dan ke atas	15	9.26
		Sekolah Menengah	19	11.7
		Diploma/Sijil	37	22.8
4.	Pendidikan Tertinggi Ibu	Ijazah Sarjana Muda	83	51.2
	Bapa	Ijazah Sarjana	17	10.5
		PhD	5	3.1
		Lain-lain	1	0.6
		RM4,210 dan ke bawah	71	43.83
5.	Pendapatan isi Rumah	RM4,211 - RM9,300	49	30.25
		RM9,301 dan ke atas	42	25.93

Jadual 1 di atas menjelaskan 162 responden kajian yang terdiri daripada ibu bapa yang bermastautin di kawasan bandar dan luar bandar, menunjukkan bahawa pandangan yang diperoleh mewakili kedua-dua konteks persekitaran komuniti. Kebanyakan responden berada dalam fasa aktif keibubapaan dan mempunyai lebih daripada seorang anak, sekali gus mencerminkan keperluan yang tinggi terhadap peranan masjid sebagai institusi sokongan keluarga dan komuniti. Dari segi latar belakang pendidikan, sebahagian besar responden memiliki tahap pendidikan menengah dan tinggi. Keadaan ini berpotensi mempengaruhi jangkaan yang lebih kritis terhadap fungsi masjid, khususnya dari aspek kualiti program, kemudahan dan pendekatan pengurusan yang mesra kanak-kanak. Responden dalam kumpulan ini lazimnya lebih peka terhadap kepentingan pembangunan holistik dan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi anak-anak.

Selain itu, kepelbagaian latar sosioekonomi dalam kalangan responden menunjukkan bahawa masjid berfungsi sebagai institusi komuniti yang merentasi kelas sosial. Keadaan ini menuntut penyediaan program dan kemudahan yang bersifat inklusif, mudah diakses dan tidak membebankan keluarga, agar penglibatan kanak-kanak di masjid dapat dipertingkatkan secara menyeluruh. Secara keseluruhan, profil demografi responden memperlihatkan bahawa kajian ini melibatkan ibu bapa yang berpengalaman, berpendidikan dan datang daripada latar belakang sosioekonomi yang pelbagai. Ciri-ciri ini memberikan asas yang kukuh untuk menilai persepsi ibu bapa terhadap peranan sebenar masjid serta cabaran yang dihadapi dalam usaha menggalakkan penglibatan kanak-kanak secara berterusan.

Persepsi Umum Ibu Bapa Terhadap Peranan Masjid

Bahagian ini membentangkan persepsi umum ibu bapa terhadap peranan masjid dalam konteks penglibatan sosial dan perkembangan holistik kanak-kanak. Analisis ini bertujuan menilai sejauh mana ibu bapa melihat masjid berfungsi melangkaui peranan tradisional sebagai tempat ibadah semata-mata, khususnya sebagai institusi sosial dan pendidikan yang relevan dengan cabaran perkembangan generasi muda masa kini.

Jadual 2: Persepsi Terhadap Peranan Masjid

Bil.	Item Pertanyaan	1	2	3	4	5	Min	SP
1.	Masjid seharusnya berfungsi bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat	3 1.9%	1 0.6%	1 0.6%	10 6.2%	147 90.7%	4.83	0.64

	pembangunan sosial dan pendidikan masyarakat.							
2.	Masjid yang tidak mesra kanak-kanak boleh menyebabkan anak-anak menjauh dan kurang berminat untuk hadir ke masjid.	1 0.6%	4 2.5%	3 1.9%	18 11.1%	136 84.0%	4.75	0.67
3.	Program masjid yang menarik berpotensi mengurangkan pengaruh negatif media sosial, gajet dan budaya hedonisme dalam kalangan generasi muda.	1 0.6%	2 1.2%	2 1.2%	22 13.6%	135 83.3%	4.78	0.59
4.	Masjid mempunyai potensi besar dalam membentuk sahsiah dan perkembangan holistik kanak-kanak.	1 0.6%	0 0.0%	1 0.6%	16 9.9%	144 88.9%	4.86	0.45
							XX	

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi umum ibu bapa terhadap peranan masjid adalah sangat positif dan konsisten. Skor min yang tinggi bagi semua item, disertai sisihan piawai yang rendah, menggambarkan tahap persetujuan yang hampir menyeluruh dalam kalangan responden. Secara keseluruhan, ibu bapa melihat masjid bukan sekadar sebagai ruang ritual ibadah, tetapi sebagai institusi sosial yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosial, pendidikan dan pembentukan sahsiah kanak-kanak. Antara aspek yang paling ditekankan oleh responden ialah potensi masjid dalam membentuk sahsiah dan perkembangan holistik kanak-kanak. Penekanan ini menunjukkan bahawa ibu bapa mengaitkan peranan masjid secara langsung dengan pembangunan menyeluruh kanak-kanak, merangkumi dimensi moral, sosial dan spiritual. Persepsi ini sejajar dengan konsep masjid pada zaman Rasulullah SAW yang berfungsi sebagai pusat pembinaan peribadi Muslim, penyemaian nilai dan pengembangan ilmu pengetahuan dalam masyarakat (Tamuri 2021).

Selain itu, ibu bapa turut melihat masjid sebagai institusi alternatif yang berupaya menangani cabaran semasa yang dihadapi generasi muda, khususnya pengaruh negatif media sosial, gajet dan budaya hedonisme. Persepsi ini mencerminkan harapan ibu bapa agar masjid memainkan peranan lebih proaktif dalam menyediakan persekitaran yang selamat, berstruktur dan berorientasikan nilai bagi kanak-kanak dan remaja. Dapatan ini menyokong pandangan Mansor et al. (2011) yang menegaskan peranan institusi masjid sebagai mekanisme pembangunan potensi generasi muda dalam menghadapi cabaran sosial kontemporari.

Secara kritis, dapatan ini menegaskan bahawa persepsi positif ibu bapa terhadap masjid adalah berasaskan jangkauan normatif yang tinggi terhadap fungsi sosial dan pendidikan institusi tersebut. Walau bagaimanapun, persepsi positif ini secara implisit turut membawa tuntutan agar masjid melangkaui fungsi ritual semata-mata dengan menyediakan program yang bersepadu, mesra kanak-kanak dan relevan dengan keperluan semasa. Hashim dan Tamuri (2012) menegaskan bahawa sokongan dan persepsi positif masyarakat perlu disokong oleh penyediaan fasiliti dan aktiviti yang dirancang secara sistematik bagi memastikan peranan masjid dapat direalisasikan secara berkesan.

Secara keseluruhannya, dapatan awal ini menunjukkan bahawa ibu bapa optimis terhadap potensi masjid dalam menyumbang kepada perkembangan holistik kanak-kanak. Persepsi positif ini memberikan justifikasi empirikal yang kukuh terhadap objektif kajian, serta mengukuhkan keperluan untuk menilai sejauh mana harapan tersebut selari atau berbeza dengan pengalaman sebenar ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak di masjid, yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Persepsi Pengalaman Ibu Bapa dengan Keterlibatan Anak-anak di Masjid

Bahagian ini membentangkan persepsi pengalaman sebenar ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak mereka di masjid, merangkumi aspek penerimaan kanak-kanak dalam aktiviti masjid, kemudahan mesra kanak-kanak, peluang pembelajaran, serta tahap kepuasan ibu bapa terhadap usaha masjid secara keseluruhan.

Jadual 3: Persepsi Pengalaman di Masjid

Bil.	Item Pertanyaan	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Masjid di tempat saya meraikan penglibatan kanak-kanak dalam setiap program atau aktiviti di masjid.	9 5.6%	13 8.0%	33 20.4 %	47 29.0%	60 37.0%	3.84	1.17
2	Masjid di tempat saya mempunyai kemudahan mesra kanak-kanak (contoh: ruang yang selesa, sudut belajar & tandas yang selamat).	15 9.3%	23 14.2 %	40 24.7 %	51 31.5%	33 20.4%	3.40	1.22
3	Masjid di tempat saya memberi ruang anak-anak untuk meneroka dan menimba ilmu.	8 4.9%	14 8.6%	35 21.6 %	58 35.8%	47 29.0%	3.75	1.11
4	Saya berpuas hati dengan usaha masjid dalam menyokong penglibatan dan perkembangan holistik anak saya.	8 4.9%	16 9.9%	38 23.5 %	58 35.8%	42 25.9%	3.68	1.11
							??	

Berdasarkan jadual 3 di atas, dapatan menunjukkan bahawa persepsi pengalaman ibu bapa berada pada tahap sederhana ke positif, namun tidak setinggi persepsi umum atau harapan ideal terhadap peranan masjid. Pola ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pengiktirafan terhadap usaha masjid, pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang sepenuhnya memenuhi jangkaan ibu bapa. Aspek yang dinilai paling positif ialah usaha masjid dalam meraikan penglibatan kanak-kanak dalam program dan aktiviti. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian masjid telah mengambil inisiatif untuk melibatkan kanak-kanak secara langsung, walaupun tahap pelaksanaannya berbeza mengikut konteks setempat. Variasi skor yang diperolehi mencerminkan ketidaksamaan amalan antara masjid, dengan sebahagian masjid lebih progresif dalam meraikan kehadiran kanak-kanak berbanding yang lain. Sebaliknya, aspek kemudahan mesra kanak-kanak mencatatkan penilaian yang lebih rendah berbanding item lain. Dapatan ini menggambarkan bahawa penyediaan infrastruktur fizikal yang sesuai, selamat dan kondusif untuk kanak-kanak masih menjadi cabaran utama. Kekangan dari sudut kemudahan ini berpotensi menjejaskan tahap keselesaan ibu bapa serta menghalang penglibatan kanak-kanak secara lebih aktif dan berterusan di masjid.

Selain itu, persepsi terhadap peluang yang diberikan kepada kanak-kanak untuk meneroka dan menimba ilmu di masjid berada pada tahap sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa masjid masih dilihat lebih berfungsi sebagai ruang ibadah berbanding sebagai ruang pembelajaran sosial dan pendidikan tidak formal untuk kanak-kanak. Tahap kepuasan ibu bapa terhadap usaha masjid secara keseluruhan turut mencerminkan penilaian sederhana, yang mengisyaratkan wujud jurang antara usaha yang dilaksanakan dan keperluan sebenar keluarga Muslim. Dapatan ini menegaskan bahawa persepsi pengalaman ibu bapa tidak sepenuhnya selari dengan persepsi umum dan harapan normatif terhadap peranan masjid. Walaupun ibu bapa mengiktiraf potensi besar masjid dalam pembangunan

holistik kanak-kanak, pengalaman sebenar mereka menunjukkan kelemahan dari sudut fasiliti, perancangan program dan konsistensi pelaksanaan. Keadaan ini mengukuhkan keperluan untuk analisis seterusnya yang menilai secara langsung jurang antara harapan dan realiti peranan masjid, yang akan dibincangkan dalam bahagian perbandingan seterusnya.

Cabaran Penglibatan Kanak-kanak di Masjid

Bahagian ini membentangkan cabaran utama yang dikenal pasti oleh ibu bapa dalam usaha meningkatkan penglibatan kanak-kanak di masjid. Analisis ini bertujuan memahami faktor-faktor penghalang yang mempengaruhi tahap keterlibatan kanak-kanak, sama ada berpunca daripada kekangan keluarga, persekitaran sosial, mahupun struktur dan pengurusan institusi masjid itu sendiri.

Jadual 4: Cabaran Penglibatan Kanak-Kanak di Masjid

Bil	Cabaran	Kekerapan	Peratus
1.	Kekurangan program khusus yang meraikan penglibatan kanak-kanak di masjid	110	67.9
2.	Kekangan masa (contoh: jadual sekolah padat, komitmen kerja	99	61.1
3.	Fasiliti atau kemudahan masjid yang tidak mesra kanak-kanak	79	48.8
4.	Sikap ibu bapa yang kurang mengutamakan penglibatan anak di masjid	78	48.1
5.	Pengaruh rakan sebaya atau teknologi (gajet, hiburan yang lebih menarik perhatian anak	75	46.3
6.	Tiada galakan berterusan daripada pihak masjid atau komuniti	75	46.3
7.	Kekangan kewangan keluarga untuk menyokong penyertaan	36	22.2
8.	Jarak masjid yang jauh dan/atau masalah pengangkutan	31	19.1

Jadual XX di atas menunjukkan bahawa cabaran penglibatan kanak-kanak di masjid bersifat pelbagai dimensi dan tidak tertumpu kepada satu faktor tunggal. Cabaran yang paling dominan ialah kekurangan program khusus yang meraikan penglibatan kanak-kanak. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun ibu bapa mempunyai persepsi dan harapan yang tinggi terhadap peranan masjid, ketiadaan aktiviti yang dirancang secara khusus untuk kanak-kanak telah mengehadkan peluang keterlibatan mereka secara aktif dan berterusan. Selain faktor programatik, kekangan masa ibu bapa turut dikenal pasti sebagai cabaran utama. Jadual persekolahan yang padat, komitmen kerja serta tuntutan kehidupan moden menjadikan kehadiran ke masjid sukar dilakukan secara konsisten. Namun, dapatan ini tidak boleh ditafsirkan semata-mata sebagai kelemahan keluarga, sebaliknya mencerminkan keperluan masjid untuk merancang aktiviti yang lebih fleksibel, relevan dan selari dengan rutin harian keluarga Muslim masa kini.

Aspek kemudahan fizikal turut muncul sebagai cabaran yang signifikan. Persepsi terhadap fasiliti masjid yang tidak mesra kanak-kanak menunjukkan bahawa persekitaran fizikal memainkan peranan penting dalam menentukan tahap keselesaan dan keselamatan kanak-kanak serta keyakinan ibu bapa untuk membawa anak ke masjid. Kekangan infrastruktur ini berpotensi menjejaskan usaha masjid untuk berfungsi sebagai ruang sosial yang inklusif dan mesra keluarga.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor sosiobudaya, seperti sikap ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan tarikan teknologi, turut mempengaruhi tahap penglibatan kanak-kanak. Kehadiran faktor-faktor ini menandakan bahawa masjid kini bersaing dengan pelbagai bentuk hiburan dan ruang sosial alternatif yang lebih menarik minat generasi muda. Tanpa pendekatan yang kreatif dan berorientasikan kanak-kanak, masjid berisiko dilihat sebagai ruang yang kurang relevan dalam kehidupan seharian mereka. Sebaliknya, faktor seperti kekangan kewangan dan jarak masjid didapati kurang dominan berbanding cabaran lain. Dapatan ini mencadangkan bahawa isu

penglibatan kanak-kanak di masjid bukan semata-mata disebabkan oleh keterbatasan ekonomi atau capaian fizikal, tetapi lebih berkait dengan isu perancangan program, persekitaran dan budaya pengimarah masjid.

Ringkasnya, dapatan ini menegaskan bahawa cabaran penglibatan kanak-kanak di masjid berpunca daripada interaksi antara faktor institusi, keluarga dan persekitaran sosial. Oleh itu, usaha meningkatkan penglibatan kanak-kanak memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan perancangan program berfokuskan kanak-kanak, penambahbaikan kemudahan mesra keluarga, serta pengukuhan peranan masjid sebagai ruang sosial yang relevan dan inklusif untuk generasi muda.

Antara Harapan Ibu Bapa dengan Realiti Pelaksanaan Peranan Masjid

Perbincangan dalam bahagian ini bertujuan meneliti perbezaan antara persepsi umum ibu bapa terhadap peranan ideal masjid (harapan dengan pengalaman sebenar mereka terhadap pelaksanaan peranan tersebut di peringkat komuniti (realiti). Perbandingan ini menilai sejauh mana fungsi masjid yang diharapkan sebagai pusat pembangunan sosial, pendidikan dan pembentukan sahsiah kanak-kanak dapat direalisasikan dalam amalan sebenar di lapangan.

Jadual 5: Perbandingan antara Persepsi Umum dan Persepsi Pengalaman

Kategori	Persepsi Umum (Harapan)	Persepsi pengalaman (Realiti)	Jurang Perbandingan	Peratus Perbandingan	Ujian T	Nilai P
Min	4.807	3.667			13.88	
S. Piawai	0.594	1.165	1.14	23.72	8	0

Jadual 5 memperlihatkan perbezaan yang jelas antara persepsi umum ibu bapa terhadap peranan ideal masjid (harapan dengan pengalaman sebenar mereka terhadap pelaksanaan peranan tersebut di peringkat komuniti (realiti). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa meletakkan jangkaan yang sangat tinggi terhadap fungsi masjid sebagai pusat pembangunan sosial, pendidikan dan pembentukan sahsiah kanak-kanak. Hal ini ditunjukkan melalui skor min persepsi umum yang berada pada tahap sangat tinggi ($M = 4.807$, $SP = 0.594$). Sebaliknya, pengalaman sebenar yang dialami oleh ibu bapa mencatatkan skor min yang lebih rendah ($M = 3.667$, $SP = 1.165$), sekali gus memperlihatkan jurang yang ketara antara harapan dan realiti. Perbezaan min sebanyak 1.14 mata, bersamaan dengan jurang perbandingan 23.72 peratus, disahkan signifikan secara statistik melalui ujian-t berpasangan ($t = 13.888$, $p < 0.001$). Dapatan ini menunjukkan bahawa jurang yang wujud bukan bersifat kebetulan, sebaliknya mencerminkan isu pelaksanaan yang nyata dan berulang dalam konteks peranan masjid di peringkat komuniti. Dari sudut interpretasi praktikal, nilai t yang tinggi serta jurang min yang besar menunjukkan saiz kesan yang kuat, sekali gus membawa implikasi signifikan terhadap pengurusan dan perancangan institusi masjid.

Perbezaan sisihan piawai antara persepsi umum dan persepsi pengalaman turut memberikan gambaran penting. Sisihan piawai yang lebih tinggi bagi persepsi pengalaman ($SP = 1.165$) berbanding persepsi umum ($SP = 0.594$) menunjukkan bahawa pengalaman ibu bapa terhadap masjid adalah tidak seragam. Keadaan ini mencerminkan realiti bahawa tahap pelaksanaan peranan masjid berbeza-beza mengikut lokaliti. Terdapat masjid yang telah menunjukkan pendekatan progresif melalui penyediaan program dan fasiliti mesra kanak-kanak, namun masih wujud masjid yang beroperasi dalam kerangka tradisional dengan tumpuan utama kepada ibadah ritual semata-mata. Secara konseptual, dapatan ini boleh difahami melalui kerangka *attitude-behavior gap*, iaitu jurang antara kepercayaan atau harapan normatif dengan pengalaman sebenar dalam amalan. Dalam konteks kajian ini, ibu bapa secara konsisten melihat masjid sebagai institusi penting dalam membentuk perkembangan holistik kanak-kanak. Namun, pengalaman sebenar menunjukkan bahawa aspirasi tersebut masih belum direalisasikan sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan penemuan Remly dan Sabaruddin (2025) yang menegaskan bahawa aktiviti berasaskan kebersamaan di masjid hanya memberi impak bermakna apabila disokong oleh suasana yang inklusif dan mendidik.

Selari dengan itu, Asmulyany et al. (2024) menekankan bahawa transformasi masjid memerlukan perubahan budaya organisasi yang lebih terbuka dan responsif terhadap keperluan generasi muda.

Secara keseluruhannya, jurang antara harapan dan realiti ini bukan sekadar bersifat statistik, tetapi mencerminkan cabaran struktur dalam aspek perancangan program, penyediaan fasiliti dan keupayaan pengurusan masjid untuk menyesuaikan peranan institusi ini dengan keperluan semasa keluarga dan kanak-kanak. Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan yang lebih sistematik dan inklusif bagi memastikan masjid benar-benar berfungsi sebagai pusat pembangunan komuniti yang holistik.

PERBINCANGAN

Dapatan utama kajian ini menunjukkan wujud perbezaan yang ketara antara harapan ibu bapa terhadap peranan masjid dan pengalaman sebenar mereka di peringkat komuniti. Walaupun masjid secara idealnya difahami sebagai institusi pembangunan sosial dan pembentukan sahsiah kanak-kanak, realiti pelaksanaan yang dialami oleh ibu bapa menunjukkan tahap yang sederhana dan tidak menyeluruh. Keadaan ini menandakan bahawa potensi masjid sebagai ruang pembelajaran sosial dan keagamaan kanak-kanak belum dimanfaatkan sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan kajian Shahbuddin dan Gunardi (2023) yang mendapati bahawa kebanyakan masjid masih mengekalkan fungsi teras ibadah, namun kurang memberi penekanan terhadap penglibatan sosial generasi muda secara sistematik. Apabila persekitaran masjid tidak cukup mesra, selamat dan bermakna, peluang kanak-kanak untuk membina hubungan positif dengan institusi agama menjadi terhad.

Selain itu, sisihan piawai yang tinggi dalam konstruk pengalaman mencerminkan ketidakseragaman pelaksanaan peranan masjid antara satu lokaliti dengan lokaliti yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan masjid dalam melibatkan kanak-kanak sangat bergantung kepada keupayaan pengurusan, kepimpinan dan budaya organisasi setempat. Sebahagian masjid berjaya menyediakan program dan ruang yang lebih inklusif, manakala sebahagian yang lain masih beroperasi dalam kerangka tradisional yang terhad kepada keperluan jemaah dewasa. Penemuan ini menyokong hujah Asmulyany et al. (2024) bahawa transformasi masjid memerlukan perubahan budaya organisasi dan perancangan yang lebih peka terhadap keperluan komuniti, khususnya kanak-kanak dan keluarga. Tanpa sokongan struktur dan pengurusan yang konsisten, peranan masjid sebagai institusi pembangunan insan sukar direalisasikan secara menyeluruh.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penilaian keberkesanan masjid tidak wajar dihadkan kepada tahap pengimarahannya atau kehadiran jemaah dewasa semata-mata. Sebaliknya, keupayaan masjid menyediakan persekitaran yang menyokong perkembangan sahsiah kanak-kanak perlu dijadikan indikator penting dalam menilai fungsi sosialnya. Selari dengan Teori Ekologi Pembangunan Manusia, institusi komuniti yang stabil dan bermakna memainkan peranan penting dalam membentuk nilai dan tingkah laku kanak-kanak secara berterusan (Crawford 2020). Justeru, masjid yang ingin kekal relevan dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari perlu memperkukuh peranannya sebagai ruang pembelajaran sosial dan keagamaan yang inklusif, selamat dan sesuai dengan keperluan keluarga masa kini.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati wujud jurang yang signifikan antara persepsi ibu bapa terhadap peranan ideal masjid dengan pengalaman sebenar pelaksanaan peranan tersebut di peringkat komuniti. Walaupun ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi agar masjid berfungsi sebagai ruang pembangunan sosial dan pembentukan sahsiah kanak-kanak, realiti yang dialami menunjukkan tahap pelaksanaan yang sederhana serta tidak seragam antara masjid. Ketidakseragaman ini berkait rapat dengan perbezaan keupayaan pengurusan, kepimpinan dan budaya organisasi masjid setempat, khususnya dari segi penyediaan fasiliti mesra kanak-kanak, perancangan program yang konsisten dan sokongan terhadap penglibatan keluarga. Dapatan ini mengesahkan bahawa potensi masjid sebagai persekitaran sosial pembelajaran kanak-kanak belum dimanfaatkan secara optimum.

Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang dengan memperkayakan literatur berkaitan masjid melalui data empirikal berasaskan perspektif ibu bapa, yang masih kurang diterokai dalam

kajian-kajian terdahulu. Kajian ini juga mengukuhkan aplikasi Teori Ekologi Pembangunan Manusia dalam konteks institusi masjid dengan menunjukkan bagaimana masjid berfungsi sebagai persekitaran sosial yang mempengaruhi perkembangan sahsiah kanak-kanak secara tidak langsung. Dari sudut praktikal, dapatan kajian menyediakan asas penting kepada pihak pengurusan masjid dan pembuat dasar untuk merangka strategi pemerkasaan masjid yang lebih responsif terhadap keperluan keluarga dan generasi muda, termasuk aspek fasiliti, latihan kepimpinan dan penglibatan komuniti. Kajian ini mempunyai keterbatasan kerana hanya melibatkan persepsi ibu bapa pada satu masa dan tidak menilai perubahan jangka panjang. Manakala, persampelan bertujuan serta tumpuan kepada satu negeri mengehadkan kebolehumuman dapatan. Kajian lanjutan wajar melibatkan pelbagai negeri, menggunakan reka bentuk longitudinal, serta menggabungkan perspektif pengurusan masjid dan kanak-kanak bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini dijalankan selaras dengan prinsip etika penyelidikan sosial dan tidak melibatkan risiko minimum kepada responden. Penyertaan informan adalah secara sukarela sepenuhnya, dan persetujuan termaklum telah diperoleh sebelum proses pengumpulan data. Informan dijamin kerahsiaan, tanpa nama, serta hak untuk menarik diri pada bila-bila masa.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Novaadila Erizal bertanggungjawab merangka idea asal kajian, mereka bentuk metodologi, menjalankan pengumpulan dan analisis data, serta menyediakan draf awal penulisan artikel. Mohamad Zulkefli pula menyemak semula keseluruhan artikel, memberikan input kritikal terhadap analisis dan perbincangan. Mereka telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel untuk penerbitan.

RUJUKAN

- Ajmain, T. & Mohamad, A. 2019. Masjid medium pendidikan melahirkan masyarakat modal insan bertaqwa. *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam*. **[Maklumat penganjur, lokasi dan halaman perlu dilengkapkan]**.
- Asif, N., Utaberta, N., Ismail, S. & Sabil, A. 2024. Rethinking the institution of masjid as a community development center in Bangladesh. *Journal of Islamic Architecture* 8(2): 437–449.
- Asmulyany, A., Sudirman, M. & Amalia, A. A. 2024. Identifikasi aspek perancangan masjid ramah anak berbasis community score card. *Journal of Green Complex Engineering* 2(1): 43–53.
- Bryman, A. 2016. *Social research methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Crawford, M. 2020. Ecological systems theory: Exploring the development of the theoretical framework as conceived by Bronfenbrenner. *Journal of Public Health Issues and Practices* 4(2): 170.
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. 2017. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. 2005. Theory-based behavior change interventions: Comments on Hobbis and Sutton. *Journal of Health Psychology* 10(1): 27–31.
- Flanagan, C. A. & Faison, N. 2001. Youth civic development: Implications of research for social policy and programs. *Social Policy Report* 15(1): 1–14.
- Goldfeld, S., Villanueva, K., Tanton, R., Katz, I., Brinkman, S., Giles-Corti, B. & Woolcock, G. 2021. Findings from the Kids in Communities Study (KiCS): A mixed methods study examining community-level influences on early childhood development. *PLoS ONE* 16(9): e0256431.

- Ismail, S., Usman, A. H., Rasit, R. M., Aini, Z., Majid, M. A., Ali, A. W. M. & Murghayah, K. M. H. 2024. Nilai teladan ibu bapa dalam pembentukan anak-anak cinta masjid. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* 4(1): 26–39.
- Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K. & Samah, M. N. 2022. Elemen-elemen keberkesanan program pengimarahkan masjid era kontemporari: Kajian analisis keperluan. *International Journal of Humanities, Technology and Civilization*: 76–82.
- Kapur, R. 2015. Approaches and strategies for holistic social development. *Arts and Social Sciences Journal* 6(3): 1–5.
- Mahmad, M. A., Zain, A. M. & Rahman, M. N. A. **Tahun tidak dinyatakan**. Pemerkasaan institusi masjid sebagai hab dakwah. **[Jenis dokumen, penerbit/jurnal dan tahun perlu dilengkapi]**.
- Mansor, N. H., Mudeen, N. N., Bakar, S. A. A., Mohamad, S., Kadir, F. A. & Mohamad, M. 2011. Pembangunan potensi remaja melalui institusi masjid: Satu tinjauan di lima buah masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Pembangunan Masjid*. **[Lokasi dan halaman perlu dilengkapi]**.
- Mehta, V. 2006. *Lively streets: Exploring the relationship between built environment and social behavior*. Tesis PhD, University of Maryland, College Park.
- Mohamad Rasdi, M. T. 2007. Mosque architecture in Malaysia: Classification of styles and possible influence. *Jurnal Alam Bina* 9(3): 1–37.
- Nurzaelani, M. M., Wiratomo, Y., Japar, M. & Herdiati, D. 2025. Development of mosque organizations as learning organizations in the perspective of Marquardt's theory. *Educate: Jurnal Teknologi Pendidikan* 10(1): 55–68.
- Rahman, A. A., Abbas, R., Moden, P. B. & Kemanusiaan, S. 2018. Persepsi masyarakat terhadap program pengimarahkan masjid di negeri Pahang: Satu analisis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* 1(2): 16–26.
- Rahman, L. A. 2000. *Imarah masjid masa kini*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Remly, M. R. & Sabaruddin, S. N. A. 2025. The application of communal values in the formation of children's morality in mosques from an Islamic perspective. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 34(4): 105–113.
- Shahbuddin, Z. H. S. & Gunardi, S. 2023. Tinjauan literatur sistematik terhadap peranan institusi masjid di Malaysia. *Abqari Journal* 29(1): 54–71.
- Tamuri, A. H. 2021. Konsep dan pelaksanaan fungsi masjid dalam memartabatkan masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* 1(1): 1–12. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i1.11>
- United Nations. 1989. *Convention on the Rights of the Child*. New York: United Nations.
- Bronfenbrenner, U.** 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. & Morris, P. A.** 2006. The bioecological model of human development. Dalam *Handbook of Child Psychology*, ed. Damon, W. & Lerner, R. M., Vol. 1, 793–828. New York: Wiley.
- Bronfenbrenner, U.** 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. & Morris, P. A.** 2006. The bioecological model of human development. Dalam *Handbook of Child Psychology*, ed. Damon, W. & Lerner, R. M., Vol. 1, 793–828. New York: Wiley.
- Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K. & Samah, M. N. 2022. Elements concerning the effectiveness of the imarah program in mosques in the contemporary era: A need analysis study. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 7(1): 76–82. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7498>
- Remly, M. R., Sabaruddin, S. N. A., & Adenan, F. (2024). Cabaran Kepimpinan Dalam Pengimarahkan Institusi Masjid: Kajian Kes Di Masjid Cemerlang: Leadership Challenges In The Improvement of Mosque Institutions: A Case Study In Masjid Cemerlang. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 26-36.

SENARAI PENGARANG

Novaadila Erizal
Pelajar Sarjana
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia.
E-mel: p137795@siswa.ukm.edu.my

Dr. Mohamad Zulkefli Abdul Ghani
Pensyarah Kanan,
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: zuldakwah@ukm.edu.my